

# Generasi muda terdedah sakit jantung

## Gaya hidup dengan amal pemakanan tak sihat, tabiat merokok antara penyebab utama

Oleh Khairulmizan Yahya  
bhnews@bharian.com.my

**PEKAN:** Gaya hidup dengan mengamalkan pemakanan tidak sihat dan tabiat merokok adalah antara penyebab penyakit jantung turut menyerang golongan muda.

Pola penyakit jantung di negara ini sudah berubah sejak 15 tahun lalu yang bukan saja terdedah kepada golongan berusia 40 tahun ke atas, sama seperti yang berlaku di negara Barat.

Ini berikutan kemajuan yang dicapai negara yang secara tidak langsung mempengaruhi gaya hidup masyarakat terutamanya mereka yang mengamalkan cara hidup tidak sihat seperti merokok.

Lebih memburukkan keadaan apabila akses mendapatkan rawatan atau maklumat mengenai penyakit itu sukar diperolehi bagi penduduk yang tinggal jauh dari bandar sekaligus menyebabkan kesedaran dalam kalangan mereka masih lagi kurang.

Pakar Perunding Kardiologi Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Dr Mohd Nasir Muda, berkata kes penyakit jantung semakin bertambah dalam masyarakat dan golongan muda juga berisiko.

Malah, katanya, dalam rekod IJN, ada pesakit yang baru berusia 23 tahun namun terpaksa menjalani pembedahan akibat penyakit itu.



**ABU BAKAR (kiri)** bermesra dengan penduduk Chini yang memeriksa kesihatan jantung sambil diperhatikan Dr Mohd Nasir (dua dari kanan) ketika program pemeriksaan risiko penyakit jantung di FELDA Chini, Pekan, semalam.

“Walaupun IJN dapat memberi rawatan terhadap penyakit berkenaan, langkah pencegahan adalah lebih baik iaitu dengan mengamalkan hidup sihat,” katanya pada program pemeriksaan risiko penyakit jantung ‘Sayangi Jantung Anda’ di

FELDA Chini, di sini, semalam.

Program kerjasama IJN, The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dan Media Prima Berhad (MPB) itu menyediakan pemeriksaan kesihatan dan jantung secara percuma kepada penduduk FELDA berkenaan

di samping pelbagai aktiviti lain.

Dr Mohd Nasir berkata, program itu adalah yang pertama dilaksanakan IJN dengan kerjasama NSTP dan MPB dan merancang untuk mempelbagaikan lagi aktiviti pada penganjuran akan datang bagi mena-

rik lebih ramai golongan muda.

Sementara itu, Ketua Komuniti Korporat NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi, berkata sebanyak 10 kaunter pemeriksaan kesihatan pelbagai bahagian dibuka kepada orang ramai untuk melakukan pemeriksaan secara percuma termasuk jentera unit trauma.

“Selain pemeriksaan kesihatan, orang ramai juga berpeluang menyertai pelbagai aktiviti sampingan yang diadakan sempena program itu antaranya gotong-royong, menyediakan jamuan tengah hari untuk 300 penduduk, taklimat kesihatan serta aktiviti kanak-kanak.

“Seramai 10 ahli Briged Sukarelawan NSTP-MPB dan 35 kakitangan IJN menyertai program ini selain lima anggota Kelab Redah 4x4 yang selama ini selalu bersama program NSTP-MPB,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, Datuk Abu Bakar Harun, berkata beliau yang mewakili masyarakat di kawasan berkenaan berharap program seumpama itu dapat diteruskan pada masa akan datang memandangkan ia memberi banyak manfaat kepada rakyat.

Program yang turut menerima tajaan Adabi Consumers Industries Sdn Bhd dan Takaful Malaysia akan diadakan selama dua hari termasuk di Dewan Mempelas, Kampung Baru Salong, di sini.

B14 24/6/12 MS 18

● NURUL SHAFINA JEMENON | BERITA MINGGU